

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)44

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

44. Apakah status terkini bagi Projek Jalan Berkembar Jalan Paya Terubong (Paya Terubong paired road)?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

44. Projek Jalan Berkembar Jalan Paya Terubong (Bukit Kukus)

merupakan projek kemudahan infrastruktur awam yang dijanjikan oleh Kerajaan Negeri demi kepentingan kegunaan harian penduduk di negeri ini. Projek ini dilaksanakan dengan mengambil kira pembangunan pesat di negeri ini yang memerlukan sistem jalan raya yang lebih baik bagi menampung peningkatan aliran trafik kawasan sekitar.

Jalan Berkembar Jalan Paya Terubong ini akan **menyambungkan** Jalan Bukit Kukus sedia ada dengan Lebuhraya Bukit Jambul dan Jalan Tun Sardon. Projek ini **dijanjikan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Bukit Gelugor pada 2014. Ia mula dibina pada tahun 2016 dan dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2028.**

Selain itu, projek ini juga melibatkan **kerja-kerja pelebaran dan menaik taraf jalan sedia ada** iaitu persimpangan Lebuhraya Thean Teik/Jalan Bukit Kukus, pelebaran sebahagian Jalan Bukit Kukus sedia ada serta pembinaan persimpangan jejambat dari Jalan Berkembar Jalan Paya Terubong ke Jalan Tun Sardon. Projek ikonik ini juga mempunyai **satu laluan** dengan **ketinggian 61.5 meter** yang telah meletakkan **lebuhraya ini yang tertinggi di Malaysia**.

Secara keseluruhannya, projek ini merangkumi **tiga (3) segmen atau konsesi** iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syarikat Geo Valley Sdn. Bhd. Development dan Syarikat PLB Land Sdn. Bhd. bagi pembinaan projek jalan sepanjang **5.0 kilometer** yang melibatkan kos sebanyak **RM730 juta**.

Kerja pembinaan ini **dilaksanakan secara berperingkat** dan status pelaksanaannya adalah seperti berikut:

- (i) Pihak MBPP **telah menyiapkan** sebahagian pembinaan ini sepanjang **2.8 kilometer** pada **24 Disember 2021**;

- (ii) Tetuan Geovalley Sdn. Bhd. **akan melaksanakan** sebahagian lagi iaitu sepanjang **800 meter** dan dijangka akan disiapkan pada **tahun 2027**; dan
- (iii) Tetuan PLB Land Sdn Bhd **akan menyiapkan** bahagian terakhir yang melibatkan **1.4 kilometer** panjang pada **tahun 2028**.

Dua (2) bahagian lagi dari Jalan Berkembar Jalan Paya Terubong akan dibina oleh pemaju yang sedang memajukan pembangunan di sepanjang jajaran jalan berkembar ini yang kini berada dalam peringkat reka bentuk. Matlamat utama projek ini adalah untuk menyuraikan aliran lalu lintas sebanyak **30 peratus** di Jalan Paya Terubong yang sering berlaku kesesakan pada waktu puncak. Jalan ini akan memberi kemudahan kepada lebih **60,000 orang** pengguna jalan raya di kawasan Paya Terubong dan Air Itam untuk berhubung ke kawasan Bukit Jambul, Bukit Gambir, Balik Pulau dan kawasan sekitarnya.